

05 SEP 2001

Johor-Jambatan

JOHOR SAMBUT BAIK JAMBATAN BARU JB-SINGAPURA

JOHOR BA HARU, 5 Sept (Bernama) -- Johor menyambut baik rancangan pembinaan jambatan baru menghubungkan Malaysia dengan Singapura bagi menggantikan Tambak Johor di sini, yang dijangka memberi kesan limpahan pembangunan ke negeri ini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata berikutan pembinaan jambatan baru itu kelak beberapa persimpangan bertingkat baru akan dibina di sekitar bandaraya ini yang akan menyuraikan lalulintas dan sekali gus membantu mengatasi kesesakan di bandaraya ini.

"Tebusguna tanah bagi pembinaan jambatan itu akan dijalankan mulai akhir tahun ini dan dijangka siap dalam masa sembilan bulan untuk membolehkan pembinaan dimulakan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata kerja tebusguna tanah itu akan dijalankan bersekali dengan tebusguna tanah untuk pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) baru seluas 34.8 hektar serta tebusguna tanah bagi Projek Tanjung Puteri bersebelahan Tambak Johor.

Jambatan baru itu, yang pelan rupabentuknya sudah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) akan dibina selari dengan Tambak Johor dan pembinaannya dijangka siap pada tahun 2006, katanya.

Abdul Ghani berkata jambatan baru bertol itu akan dibina serentak, sejauh kira-kira satu kilometer oleh Malaysia dan lebih satu kilometer oleh pihak Singapura dan bersambung di tengah-tengah Selat Tebrau.

"Bila siap jambatan baru itu, Tambak Johor yang dibina pada 1924, akan dirobohkan pada tahun 2007," katanya.

Tanpa mahu menyebut kos pembinaan jambatan baru itu, katanya, jambatan itu akan dibina oleh swasta di bawah konsep bina, pajak dan pindah mengikut bahagian masing-masing antara Malaysia dengan Singapura.

"Selain melicinkan pergerakan lalulintas antara kedua-dua negara, kewujudan jambatan baru itu dan robohnya Tambak Johor kelak, akan membolehkan air di Selat Tebrau, yang disekat oleh tambak itu sekarang, mengalir sepanjang selat itu," katanya.

Manakala keretapi yang landasannya melalui Tambak Johor sekarang akan melalui terowong bawah tanah dari Kebun Teh di sini hingga ke Kranji di Singapura, tambahnya.

Mengenai persimpangan bertingkat itu yang dijangka dibina di sekitar bandaraya ini, Abdul Ghani berkata ia terpaksa dibina untuk menyuraikan trafik terus ke timur, barat dan utara Johor dari pangkal jambatan baru sebelah Malaysia.

"Ia bagi memastikan trafik tidak perlu melalui pusat bandaraya ini yang memang sedia sesak," dan menambah kata bahawa trafik untuk ke utara, timur dan barat Johor tidak lagi perlu melalui jalan sesak seperti Jalan Wong Ah Fook di bandaraya ini.

Satu persimpangan bertingkat yang pada pendapat Menteri Besar perlu dibina ialah dari pangkal jambatan baru terus ke Pandan di sini yang akan menyambung terus ke Lebu Raya Utara Selatan.

"Sebaik-baiknya dari CIQ dengan mudahnya trafik dapat terus ke Pandan Interchange dan memasuki Lebu Raya Utara Selatan," tambahnya.

Pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor itu merupakan antara perkara yang dilaporkan akhbar sebagai telah dipersetujui dalam perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew di Putrajaya semalam.

Sementara itu, mengenai persetujuan bekalan air oleh Malaysia ke Singapura, Abdul Ghani enggan mengulas kerana menurutnya kerajaan pusat belum membuat sebarang kenyataan mengenainya seperti mengenai jumlah air yang akan disalurkan dan tarif air yang dijual kepada Singapura.

-- BERNAMA

MNY PR